

**SULIT**  
CONFIDENTIAL



**PEPERIKSAAN AKHIR**  
*FINAL EXAMINATION*

**SEMESTER JANUARI 2005**  
*JANUARY SEMESTER 2005*

<b>KOD KURSUS</b>	:	<b>CDCA2103</b>
<b>NAMA KURSUS</b>	:	<b>TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGGUNAANNYA</b>
<b>MASA</b>	:	<b>9.30 PAGI – 11.40 PAGI</b>
<b>TARIKH</b>	:	<b>20HB APRIL 2005</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila baca dengan **TELITI** arahan dibawah ini.
2. Kertas soalan ini terdiri daripada **SATU** versi bahasa, iaitu **BAHASA MALAYSIA**. Sila jawab menggunakan **SATU BAHASA** sahaja sama ada **BAHASA MALAYSIA** atau **BAHASA INGGERIS**.
3. Kertas soalan ini dicetak di kedua-dua belah muka surat. Sila pastikan anda mendapat **8 MUKA SURAT**.
4. Kertas soalan ini dibahagikan kepada **2 BAHAGIAN**, iaitu bahagian **A** dan **B**.
5. Sila jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian **A** dan **TIGA (3)** soalan dalam Bahagian **B**.
6. Sila tulis jawapan bagi Bahagian **A** pada borang **OMR** dan jawapan bagi Bahagian **B** pada buku jawapan yang disediakan.

**JUMLAH KESELURUHAN MUKA SURAT ADALAH SEBANYAK 8 TIDAK TERMASUK MUKA SURAT INI.**

## BAHAGIAN A

**ARAHAN:** Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan aneka pilihan.**


1. \_\_\_\_\_ adalah perisian yang digunakan oleh pengguna khusus untuk menyelesaikan masalah tertentu.
  - A. Perisian sistem
  - B. Perisian aplikasi
  - C. Perisian utiliti
  - D. Perisian anti-virus
  
2. Berikut adalah cara pengukuran keselesaan menggunakan sistem pengoperasian **KECUALI** \_\_\_\_\_.
  - A. Keselesaan penggunaan
  - B. Ketepatan dan keberkesanan
  - C. Keupayaan berkembang
  - D. Kemudahan penghasilan utiliti
  
3. Sistem pengoperasian Windows membenarkan lebih daripada satu aturcara dilaksanakan pada satu masa. Kebolehan melakukan tugas ini dinamakan \_\_\_\_\_.
  - A. Spooling
  - B. Multi-tugas
  - C. Multi-pengguna
  - D. Sumber maya
  
4. \_\_\_\_\_ berupaya untuk menguruskan beberapa pemproses pada satu masa.
  - A. Sistem pengoperasian satu pengguna
  - B. Sistem pengoperasian multi-pengguna
  - C. Sistem pengoperasian multi-pemproses
  - D. Sistem pengoperasian Rangkaian

5. Sistem *Backup* hanya terdapat dalam sesetengah versi MS-Windows. Bagi versi MS-Windows yang tiada sistem ini, ia digantikan dengan kaedah \_\_\_\_\_.
- Scandisk
  - Disk converter
  - Disk defragmentation
  - Compress

6. Apakah yang akan terjadi jika arahan MS-DOS ini dilarikan:

```
copy c:\tugasan1.doc a:\oum
```

- Fail tugasan1.doc akan disalin ke dalam pemacu a: sebagai fail bernama oum
  - Fail tugasan1.doc akan disalin ke dalam folder oum yang terdapat di dalam pada pemacu a:
  - Fail tugasan1.doc dan folder oum akan dipadamkan daripada sistem
  - Kesemua fail di dalam folder tugasan1 akan disalin ke dalam folder oum yang terdapat pada pemacu a:
7. Berikut adalah hak capaian fail yang dibenarkan dalam Linux **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- laksana
  - baca
  - padam
  - tulis
8. Gambarajah dibawah adalah merujuk kepada justifikasi teks \_\_\_\_\_.



- kiri
- kanan
- tengah
- senget

9. Microsoft Excel adalah sejenis perisian \_\_\_\_\_.
- A. pemproses kata
  - B. hamparan elektronik
  - C. penerbitan meja
  - D. persembahan multimedia
10. Format nama bagi fail Microsoft Power Point adalah \_\_\_\_\_.
- A. \*.xls
  - B. \*.doc
  - C. \*.pwp
  - D. \*.ppt
11. Dalam pangkalan data hubungan, data disimpan dalam \_\_\_\_\_.
- A. *table*
  - B. *queries*
  - C. *forms*
  - D. *pages*
12. \_\_\_\_\_ adalah satu prosedur yang lebih kompleks yang ditulis dalam bahasa pengaturcaraan *Visual Basic* untuk aplikasi (VBA).
- A. *Modules*
  - B. *Forms*
  - C. *Macros*
  - D. *Queries*
13. Kata kunci \_\_\_\_\_ digunakan untuk memberitahu Access medan mana yang akan digunakan sebagai kumpulan.
- A. *IN*
  - B. *GROUP BY*
  - C. *HAVING*
  - D. *ORDER BY*

14. Berikut adalah jenis-jenis rangkaian **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. Rangkaian Kawasan Setempat (LAN)
  - B. Rangkaian Kawasan Meluas (WAN)
  - C. Rangkaian Kawasan Bandar (CAN)
  - D. Rangkaian Kawasan Metropolitan (MAN)
15. Netscape Communicator adalah sejenis perisian \_\_\_\_\_.
- A. Pelayar Web
  - B. Pelayan Web
  - C. Pelanggan Web
  - D. Perkhidmatan Web
16. Berikut adalah perkhidmatan ISP di Malaysia **KECUALI**:
- A. TMNet
  - B. Jaring
  - C. MaxisNet
  - D. AOL
17. Untuk membuat capaian Internet, pengguna perlu menggunakan protokol \_\_\_\_\_.
- A. pelayar Internet
  - B. perisian automasi pejabat
  - C. pangkalan data
  - D. TCP/IP
18. Mengikut struktur emel Eudora, bahagian **FROM** mengandungi maklumat \_\_\_\_\_.
- A. alamat penerima
  - B. alamat penghantar
  - C. alamat penerima salinan
  - D. alamat pelayan emel

19. Lokasi bagi alamat sesuatu lama web dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. HTML
- B. HTTP
- C. URL
- D. WWW

20. Perkhidmatan **NetNews** juga dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. Usenet
- B. Internet
- C. Gopher
- D. FTP

## BAHAGIAN B

**ARAHAN** : Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

### SOALAN 1

- a) Nyatakan komponen-komponen Teknologi Maklumat. Takrifkan setiap komponen tersebut.  
[6 markah]
- b) Nyatakan dan jelaskan **EMPAT (4)** komponen-komponen automasi pejabat.  
[8 markah]
- c) Huraikan **TIGA (3)** jenis rangkaian komputer.  
[6 markah]
- [Jumlah : 20 markah]

### SOALAN 2

- a) Berikan definisi bagi perisian aplikasi dan perisian sistem. Berikan **SATU (1)** contoh.  
[4 markah]
- b) Penggunaan aplikasi automasi pejabat memberi kebaikan kepada organisasi. Bincangkan **EMPAT (4)** kelebihan.  
[8 markah]
- c) Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan konsep klien-pelanggan.  
[8 markah]
- [Jumlah : 20 markah]

### SOALAN 3

a) Nyatakan **EMPAT (4)** fungsi sistem pengoperasian.

[4 markah]

b) Walaupun pakej automasi pejabat amat meluas digunakan, ia juga memberi kesan yang negatif kepada organisasi. Bincangkan **EMPAT (4)** keburukan penggunaan automasi pejabat.

[8 markah]

c) Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan penerangan yang terperinci mengenai lapisan-lapisan protokol TCP/IP.

[8 markah]

[Jumlah : 20 markah]

### SOALAN 4

a) Berikan definisi bagi antara muka dipacu perintah dan antara muka bermenu. Berikan **SATU (1)** contoh yang sesuai.

[6 markah]

b) Apakah maksud bagi konsep dan terminologi di bawah?

- i. Bit
- ii. Bait
- iii. Word
- iv. rekod

[8 markah]

c) Berikan penerangan ringkas mengenai istilah Intranet dan Extranet. Sertakan bersama contoh yang sesuai.

[6 markah]

[Jumlah : 20 markah]



**SOALAN 5**

a) Nyatakan **EMPAT (4)** jenis sistem pengoperasian.

**[4 markah]**

b) Bincangkan **EMPAT (4)** kebaikan menggunakan pangkalan data elektronik.

**[10 markah]**

c) Anda dikehendaki untuk menyambungkan komputer peribadi di rumah kepada Internet. Bincangkan **TIGA (3)** perkara yang diperlukan oleh anda untuk menyempurnakan tugas ini.

**[6 markah]**

**[Jumlah : 20 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT DI SINI**